| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Diberi minuman dari air panas yang menggelegak ~~dalam neraka.~~<br>Dikenakan azab siksaan yang pedih.<br>Dimasukkan ke neraka. | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT.<br>Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW.<br>Menghina golongan ulama dan orang soleh.<br>Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata.<br>Menyanjung perbuatan maksiat.<br>Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.<br>Melanggar syariat Islam ~~seperti tidak solat dan tidak puasa.~~<br>~~Tidak menutup aurat~~.<br>~~Mengamalkan ajaran sesat.~~ | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (iii) | Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan agama (1m) demi menjaga kesucian Islam. (1m)<br>Kita hendaklah menyedari perbuatan mempersendakan agama akan diazab oleh Allah SWT (1m) dengan siksaan api neraka. (1m)<br>Kita hendaklah memberikan peringatan kepada orang yang mempersendakan agama (1m) agar sentiasa berpandukan ajaran al-Quran dan al-sunnah dalam kehidupan. (1m)<br>Kita hendaklah mempertahankan kesucian Islam dengan pendekatan yang terbaik (1m) agar maruah agama Islam dipandang tinggi. (1m)<br>Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT tidak akan memberikan perlindungan dan syafaat kepada orang yang mempersendakan agama (1m) kerana mereka telah melakukan perkara yang dimurkai Allah SWT. (1m) | [1 isi x 2m =2m]<br><br>Catatan :<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |

P6 Kita hendaklah menyedari perbuatan mempermainkan agama sebagai alat permainan dan gurauan ialah sebahagian dpd tipu daya dunia yang akan dimurkai oleh Allah SWT (munasabah)



1223/1 (PP) © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

<table>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>(iv)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi : Langkah / Cara<br>
- Membuat kempen kesedaran.<br>
- Membuat laporan kepada pihak berkuasa.<br>
- Mengenakan tindakan dan hukuman.<br>
- Menguatkuasakan undang-undang.<br>
- Memberi nasihat dan tunjuk ajar.<br>
- menubuhkan pusat pendidikan/sekolah agama<br><br>
Contoh Jawapan:<br>
Sebagai seorang pemimpin saya akan menguatkuasakan undang-undang dengan mengenakan hukuman yang berat ke atas orang yang mempersendakan agama ini. (1m) Ini bertujuan agar dapat memberi pengajaran kepada orang ramai. (1m) Kesannya kesucian agama Islam akan sentiasa terpelihara dan dipandang tinggi. (1m) Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menjauhi perkara yang mempersendakan agama agar mendapat kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. (1m)</td><td>[4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
<tr><td>(b) (i)</td><td>- Imam / pemimpin / pemerintah / ketua negara / ketua<br>- Pekerja</td><td>[2 isi x 1m =2m]</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>2 t/jwb anak kepada ibu bapa:<br>
- Berbakti kepada ibu bapa sewaktu mereka masih hidup atau telah meninggal dunia.<br>
- Sentiasa mendoakan kebahagiaan untuk mereka.<br>
- Sentiasa membantu mereka dengan sebaik-baiknya.<br>
P4 (Sentiasa berbuat baik <s>dengan ibu bapa) dan</s> menyambung silaturrahim dengan rakan-rakan mereka.<br><br>
Catatan : Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.<br>
P4 : sentiasa berbuat baik kepada ibu bapa</td><td>[2 isi x 1m=2m]</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah
SULIT

 © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

AnyScanner

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT SOKONG PERANAN SUAMI DALAM K/TANGGA akan melahirkan keluarga bahagia.<br>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi :<br>
- Suami menjadi contoh teladan yang baik.<br>
- Meluangkan masa berkualiti bersama keluarga.<br>
- Membimbing keluarga ke arah nilai murni dan agama.<br>
- Memberi nafkah dan kasih sayang yang mencukupi.<br>
- Mengurus konflik dan masalah keluarga secara bijaksana.<br><br>
Contoh Jawapan:<br>
Suami yang bertanggungjawab akan sentiasa membimbing keluarga ke arah nilai murni dan agama. (1m) Hal ini kerana ia merupakan amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh suami dengan sebaiknya. (1m) Kesannya akan melahirkan keluarga yang hidup bahagia berlandaskan syariat Islam. (1m) Oleh itu, kita hendaklah sentiasa melaksanakan tanggungjawab dan mengikut segala perintah agama agar hidup sentiasa diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT. (1m)</td><td>[4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Mad Silah Qasirah<br>Mad Lazim Kalimi Muthaqqal</td><td>[2 isi x 1m = 2m]</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td><u>Maksud al-Syahid</u> ialah nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan/ dan mendengar segala ucapan makhluk (1m) dan tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya. (1m)</td><td>[1 isi x 2m=2m]</td></tr>
</table>

 © 2025 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | 2 bukti Allah As-Syahid :–<br>P1 - Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya.<br>P2 - Allah SWT Maha Menyaksi dan Menghitung segala amal perbuatan manusia.<br>P3 - Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata dan tersembunyi.<br>P4 - Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik. | [2 isi x 2m=4m] |
| | | (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran:**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br>Sebab / faktor berlakunya penipuan / scammer.<br>**Cadangan isi :**<br>- Tidak mempunyai pegangan akidah yang kuat tentang nama-nama Allah SWT.<br>- Tidak takut azab dan siksaan Allah SWT.<br>- Kurangnya didikan agama.<br>**Contoh Jawapan:**<br>Dalam konteks keimanan terhadap al-Syahid perkara ini berlaku disebabkan tidak takut azab dan siksaan Allah SWT. (1m). Hal ini demikian kerana, mereka tidak mendalami ilmu agama secukupnya. (1m) Kesannya mereka tidak dapat membezakan perkara yang baik dan buruk. (1m) Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan keimanan agar pegangan aqidah kita semakin mantap. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br>Catatan :<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| | (b) | (i) | Takrif ajaran sesat :–<br>Ajaran sesat ialah ajaran / amalan yang didakwa (dianggap/) sebagai ajaran Islam (1m) / sedangkan hakikatnya bercanggah (/bertentangan) dengan al-Quran dan al-Sunnah. (syariat Islam) (1m) | [1 isi x 2m =2m] |

[Lihat halaman sebelah
SULIT

 © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

AnyScanner

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (ii) | - Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata/tanpa mengikut disiplin ilmu yang betul.<br>- Menyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi.<br>- Hanya berpegang dengan al-Quran/dan menolak hadis/ sebagai sumber hukum Islam. | [2 isi x 1m=2m] |
| (iii) | - Melemahkan iman dan merosakkan akidah.<br>- Menjatuhkan imej umat Islam.<br>- Melahirkan individu yang pasif dan malas.<br>- Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni/akibat taksub kepada pemimpin kumpulan. | [2 isi x 1m=2m] |
| (iv) | KBAT<br>**Rubrik penskoran:** (lihat jadual di bawah)<br>**Cadangan isi :**<br>- Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli al-Sunnah wal Jamaah.<br>- Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya.<br>- Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan al-Sunnah.<br>- Mencari maklumat daripada sumber yang sahih supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat.<br>**Contoh Jawapan:**<br>Tindakan yang perlu dilakukan ialah dengan mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj akidah Ahli al-Sunnah wal Jamaah. (1m) Hal ini demikian kerana ahli keluarga tersebut dapat menegur atau melarang keluarga mereka dari terlibat dengan ajaran sesat. (1m) Kesannya teguran yang diberikan adalah berlandaskan sumber yang sahih dan tepat. (1m) Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengambil berat perkara yang berkaitan akidah keluarga agar hidup sentiasa diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |

**Rubrik penskoran (iv):**

| | |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |



1223/1 (PP) © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (a) | (i) | - Talak Raji'e<br>- Talak Bain | [2 isi x 1m =2m] |
| | | (ii) | a) 4 bulan 10 hari | [1 isi x 1m=1m] |
| | | | b) Sehingga melahirkan anak | [1 isi x 1m=1m] |
| | | (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Kurang ilmu agama.<br>- Lemah iman.<br>- Pengaruh media sosial.<br><br>**Contoh jawapan:**<br>Pada pendapat saya, situasi di atas berlaku kerana kurang ilmu agama. (1m) Hal ini demikian kerana tidak dititikberatkan sejak kecil. (1m) Kesannya mereka tidak dapat menjalankan tanggungjawab sebagai suami isteri dengan baik. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah mendalami ilmu agama supaya rumahtangga yang dibina aman bahagia. (1m) | [4 isi x 1m=4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| | (b) | (i) | Maksud qisas ialah hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya secara balasan yang sama (1m) seperti dalam al-Quran dan al-Sunnah.(1m) | [1 isi x 2m=2m] |
| | | (ii) | - Hukuman mati.<br>- Hukuman diyat jika ada pengampunan daripada waris mangsa. | [2 isi x 1m=2m] |

[Lihat halaman sebelah
SULIT

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (iii) | Hikmah hukuman jenayah dalam Islam :-<br>• Menegakkan keadilan dalam kalangan manusia (1m) agar dapat hidup dengan sejahtera. (1m)<br>• Mendidik dan menghukum bagi sebarang kesalahan dan maksiat yang dilakukan (1m) supaya mendapat keampunan daripada Allah SWT. (1m)<br>• Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian (1m) bagi masyarakat dan negara. (1m)<br>• Merancakkan pertumbuhan ekonomi (1m) tanpa bimbang kepada sebarang rampasan dan kecurian. | [1 isi x 2m=2m]<br><br>Catatan:<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |
| (iv) | KBAT<br>**Rubrik penskoran** (lihat jadual di bawah) | [4 isi x 1m=4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |

| | |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :** SOKONG kepada Hukuman Berat ke atas pelaku buang bayi.

- Buang bayi jenayah serius/ berat.
- Mengancam nyawa bayi.
- Memberi kesan psikologi.
- Mencegah jenayah daripada terus berlaku.
- Memberi keadilan kepada keluarga mangsa.
- Memberi pendidikan/pengajaran kepada masyarakat.
- Memberi perlindungan kepada bayi.

**Contoh jawapan:**

Pelaku pembuangan bayi perlu hukuman berat kerana perbuatan tersebut merupakan jenayah serius (1m) yang mengancam nyawa bayi yang tidak berdosa. (1m) Kesannya ia dapat memberi pengajaran dan mencegah kejadian serupa berlaku pada masa hadapan. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan jenayah supaya hidup bahagia di dunia dan di akhirat. (1m)



1223/1 (PP) © 2025 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group
AnyScanner

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
</table>
Cadangan isi : cara mengaplikasikan solat sunat dhuha<br>
- Usahakan untuk melaksanakannya secara rutin pada waktu rehat setiap hari.<br>
- Luangkan masa 5-10 minit setiap hari walau sesibuk mana pun.<br>
- Memahami hikmah solat Dhuha.<br><br>
Contoh jawapan:<br>
Sebagai seorang pelajar, saya dapat mengaplikasikan ibadah di atas dalam kehidupan dengan mengusahakannya secara rutin pada waktu rehat setiap hari (1m) supaya menjadi muslim yang bertakwa. (1m) / supaya dimurahkan rezeki dalam kehidupan / ganjaran / mendekatkan diri kpd Allah /</td><td>[2 isi x 1m=2m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br><br>Huraian mesti berkait dengan solat sunat dhuha</td></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>P1 Saidina Abu Bakar Al-Siddiq / Saidina Abu Bakar<br>P2 Saidina Umar Al-Khattab / Saidina Umar<br>P3 Saidina Uthman bin Affan / Saidina Uthman</td><td>[2 isi x 1m=2m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>BIDANG EKONOMI :-<br>P1 Memperkenalkan pelbagai cukai baharu/seperti cukai jizyah dan kharaj.<br>P2 - Memajukan sistem pengairan d/an saliran melalui pembinaan terusan Amirul Mukminin di Mesir dan di Basrah.<br>P3 - Mengemaskini institusi Baitulmal / ~~dan~~ P4 meneroka tanah baharu untuk memperbanyak hasil pertanian.<br>P5 (Meneruskan kutipan jizyah yang dikenakan terhadap golongan zimmi.)</td><td>[2 isi x 2m=4m]</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah
SULIT

 © 2025 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | KBAT Saidina Ali r.a merupakan seorang pemimpin yg berpandangan jauh dlm mentadbir negara:-<br>**Rubrik penskoran:**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br>**Cadangan isi :** Hujah Menyokong :<br>- Menangguhkan hukuman qisas terhadap pembunuh khalifah Uthman bin Affan kerana keadaan negara yang masih huru hara dan dikuasai pemberontak.<br>**Contoh Jawapan:**<br>Hal ini dibuktikan apabila Saidina Ali menangguhkan hukuman qisas terhadap pembunuh Saidina Uthman. (1m) Hal ini kerana Saidina Ali melihat keadaan negara yang masih huru-hara dan dikuasai pemberontak. (1m) Kesannya, tindakan Saidina Ali ini dapat menyelamatkan negara dan nyawa rakyat dari kemusnahan yang lebih dahsyat. (1m) Kesimpulannya, sebagai seorang pemimpin, kita hendaklah bertindak bijak demi menjaga keselamatan dan keamanan negara. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| | (b) | (i) | 1 - Muawiyah bin Abi Sufian<br>2 - Abdul Malik bin Marwan<br>3 - Al-Walid bin Abdul Malik<br>4 - Umar bin Abdul Aziz | [2 isi x 1m=2m] |
| PELAJAR | | (ii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran:**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>**Cadangan isi :** CARA merealisasikan hub-baik at (pemimpin? rakyat) di sekolah<br>- Sentiasa hormat menghormati antara satu sama lain.<br>- Sentiasa melakukan aktiviti bersama yang melibatkan pelajar dari pelbagai kaum.<br>- Menunjukkan contoh teladan yang baik dalam pergaulan. | [2 isi x 1m =2m]<br><br>Catatan :<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>(huraian mestilah menghuraikan isi) |

<table>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td>Contoh Jawapan:<br>Cara saya merealisasikan suasana tersebut ialah dengan cara sentiasa mengamalkan sikap saling hormat menghormati sesama rakan tanpa mengira kaum , agama dan latar belakang (1m) supaya keadaan sekolah sentiasa sejahtera dan harmoni. (1m)</td><td></td></tr>
<tr><td>(c) (i)</td><td>- Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia / Family Law In Malaysia.<br>- Sistem Undang-Undang Malaysia.<br>- Islamic Law In Malaysia</td><td>[2 isi x 1m=2m]</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi :<br>- Memastikan keputusan yang dibuat adalah berlandaskan undang-undang.<br>- Tidak menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri.<br>- Menjaga kebajikan rakyat dibawah pimpinannya.<br><br>Contoh Jawapan:<br>Pada pendapat saya, pemimpin masa kini dapat mencontohi ketokohan Profesor Ahmad bin Ibrahim dengan cara memastikan segala tindakan yang dilakukan adalah berlandaskan syariat dan undang-undang (1m) agar tidak berlaku penyalahgunaan kuasa yang dimiliki untuk kepentingan diri sendiri. (1m) Kesannya, peluang pendidikan, pekerjaan dan pembangunan dapat diagihkan secara adil kepada rakyat. (1m) Kesimpulan, kita hendaklah sentiasa memelihara integriti diri agar keadilan dapat ditegakkan. (1m)</td><td>[4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah


1223/1 (PP) © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud Raja':-<br>Mengharapkan keredhaan Allah SWT (1m) dengan melaksanakan segala perintah-Nya.(1m)</td><td>[1 isi x 2m=2m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Hikmah sifat khauf dan raja':-<br>P1 Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT(1m) dalam setiap keadaan. (1m)<br>P2 Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan (1m) kerana yakin Allah SWT melihat dan menilai setiap pekerjaannya. (1m)<br>P3 Mendidik jiwa insan agar menjauhi larangan Allah SWT (1m) kerana takut akan kemurkaan-Nya. (1m)<br>P4 Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan (1m) supaya mendapat kemanisan iman. (1m)<br>P5 Melahirkan insan yang sentiasa bertawakkal kepada Allah SWT (1m) setelah berusaha bersungguh-sungguh. (1m)</td><td>[1 isi x 2m =2m]<br><br>Catatan :<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi : CARA tersebut dapat melahirkan muslim sejati.<br>
- Sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakan dan berusaha menghindari dosa.<br>
- Bersungguh-sungguh dalam beribadah, menjaga solat, berpuasa, menunaikan zakat dan melakukan amal soleh.<br>
- Sentiasa bermuhasabah dengan menilai kesalahan diri, bertaubat dan memperbaiki kelemahan.<br>
- Sentiasa menjaga akhlak dan tingkah laku.<br><br>
Contoh Jawapan:<br>
Sifat tersebut dapat melahirkan muslim yang sejati dengan sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakan. (1m) Hal ini demikian kerana merasa takut akan balasan Allah SWT di akhirat kelak. (1m) Kesannya diri akan terhindar daripada dosa.(1m) Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mengharapkan keredaan Allah SWT supaya hidup bahagia di dunia dan di akhirat. (1m)</td><td>[4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
</table>



1223/1 (PP) © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

AnyScanner

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (b) (i) | 2 adab menjaga alam sekitar :-<br>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.<br>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar.<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar.<br>- Sentiasa menjaga kelestarian alam.<br>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam.<br>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air. | [2 isi x 1m=2m] |
| (ii) | Hikmah menjaga alam sekitar<br>- Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar (1m) kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan. (1m)<br>- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa (1m) kerana melihat keindahan alam. (1m)<br>- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit (1m) kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar. (1m)<br>- Melestarikan alam sekitar yang indah (1m) untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang. (1m)<br>- Meningkatkan pendapatan (1m) kerana melaksanakan aktiviti eko-pelancongan. (1m) | [1 isi x 2m=2m]<br><br>Catatan:<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |
| (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran**<br><br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi :** KESAN akibat pencemaran / buang sampah dalam sungai<br>- Berlakunya pencemaran air.<br>- Memusnahkan ekosistem sungai.<br>- Mengancam kehidupan akuatik.<br>- Menyebabkan banjir kilat.<br>- Menjejaskan kesihatan.<br>- Menjejaskan keindahan alam sekitar.<br>- Menjejaskan ekonomi negara. | [4 isi x 1m=4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|

**Contoh jawapan:**

Sekiranya keadaan di atas tidak dibendung, ia akan menyebabkan air tercemar. (1m) Hal ini boleh menyumbang kepada penyebaran penyakit. (1m) Contohnya penyakit taun. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga alam sekitar sebaiknya supaya hidup sejahtera. (1m)

(c)

KBAT

**Rubrik penskoran**

| | |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi :** Peranan anda sebagai seorang rakan:- kpd rakan yg sakit.

- Memberikan sokongan fizikal.
- Memberikan sokongan emosi.
- Memberikan sokongan spiritual.
- Menziarahi rakan.
- memberikan motivasi

**Contoh jawapan:**

Sebagai seorang rakan, saya akan menziarahi rakan saya yang sedang sakit (1m) supaya dia rasa disayangi. (1m) Kesannya dia akan lebih positif untuk sembuh. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah beradab terhadap orang sakit supaya disayangi Allah SWT. (1m)

Markah:

[4 isi x 1m=4m]

Catatan :

Isi = 1m
Huraian = 1m
Huraian lengkap = 1m
Kesimpulan/ olahan menarik = 1m

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



AnyScanner